

02 JUN 1996

LAM THYE SOKONG KENYATAAN PM MENGENAI BAHASA INGGERIS

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Anggota Lembaga Pendidikan Land and General Company (LANG), Datuk Lee Lam Thye hari ini menyokong kenyataan tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kepentingan Bahasa Inggeris di zaman sains dan teknologi.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu semasa menyampaikan ucap tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat sempena ulangtahun ke-74 Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara semalam.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Lee berkata pengetahuan dalam hanya satu bahasa sahaja tidak mencukupi dalam menghadapi cabaran-cabaran kemajuan dan pembangunan serta berusaha ke arah menjadi negara yang maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata pengetahuan dalam Bahasa Inggeris harus ditekankan memandangkan ia bukan sahaja bahasa antarabangsa bagi bidang sains dan teknologi tetapi juga dalam pembangunan sumber manusia dan perdagangan.

Tambahan pula, kata beliau, rakyat Malaysia tidak seharusnya menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris tetapi juga patut menguasai satu lagi bahasa kerana penguasaan dalam bahasa ketiga merupakan aset yang berguna kepada individu.

Sebagai contoh, katanya, rakyat Malaysia yang mencari peluang perniagaan di China, akan mendapati kepentingan menguasai Bahasa Cina.

Lee, yang juga seorang aktivis sosial, berkata dasar pendidikan harus menggalakkan pelajar-pelajar mempelajari bahasa-bahasa lain agar mereka dapat menimba lebih banyak ilmu pengetahuan serta mengikuti perkembangan terkini dalam bidang sains dan teknologi. -- BERNAMA

NI HAK